Bahagian A [20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Yang manakah contoh yang betul bagi kelompok bahasa yang kurang daripada 2500 tahun?

I Polinesia

II Nusantara

III Austronesia

IV Halmahera Selatan-Irian Jaya

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

2

I	II	III
Muna-Butung	Ambelau	Sumbawa
Ngad'o-Lio	Manggarai	Bobongko
Rejang-Lebong	Minangkabau	Dampelasa

Yang manakah pernyataan yang benar tentang I, II, dan III di atas?

I Berasal dari rumpun Austronesia Barat

II Berasal dari rumpun Austronesia Timur

III Merupakan keluarga bahasa Mikronesia

IV Merupakan subkeluarga bahasa Nusantara

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

3

Dihasilkan semasa pemerintahan kerajaan Sriwijaya dengan menggunakan bahasa Melayu kuno yang berhuruf Palava

Pernyataan di atas merujuk kepada

A batu bersurat di Gandasuli dan di Kedukan Bukit

B batu bersurat di Kota Kapur dan di Pagar Ruyung

C batu bersurat di Karang Brahi dan di Minye Tujoh

D batu bersurat di Kedukan Bukit dan di Talang Tuwo

7 Yang manakah pernyataan yang berkaitan dengan perancangan korpus dalam bahasa Melayu?

A Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan.

B Bahasa Melayu diwajibkan dalam segala urusan kerajaan.

C Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar dalam bidang pendidikan.

D Bahasa Melayu diperkaya dengan istilah khusus dalam pelbagai bidang ilmu.

8

	Bahasa sumber
I	Arab
II	Sanskrit
III	Portugis
IV	Belanda

	Contoh kata pinjaman
P	Selera, catur
Q	Awam, anasir
R	Supir, ongkos
S	Renda, lelong

Yang manakah padanan yang betul antara bahasa sumber dengan contoh kata pinjaman daripadanya?

	I	II	III	IV
A	*P*	*R*	*S*	*Q*
B	*Q*	*R*	*P*	*S*
C	*P*	*S*	*Q*	*R*
D	*Q*	*P*	*S*	*R*

9 Jenis vokal bahasa Melayu ditentukan oleh

I getaran pita suara

II bukaan rongga mulut

III bahagian lidah yang terlibat

IV sekatan terhadap laluan udara

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

12

	Jenis vokal
I	Vokal depan sempit
II	Vokal depan separuh sempit
III	Vokal tengah
IV	Vokal belakang separuh sempit

	Contoh perkataan yang menggunakannya
W	Kadet
X	Guris
Y	Tolak
Z	Teguh

Yang manakah padanan yang betul antara jenis vokal dengan contoh perkataan yang menggunakannya?

	I	II	III	IV
A	*X*	*Z*	*W*	*Y*
B	*W*	*Y*	*X*	*Z*
C	*W*	*Y*	*Z*	*X*
D	*X*	*W*	*Z*	*Y*

13

Jenis konsonan	*Daerah artikulasi*	
	Dua bibir	Lelangit lembut
Letupan bersuara	I	II

Perkataan yang mengandungi konsonan yang diwakili oleh I dan II ialah

A padi

B bagi

C buku

D pasu

14

Vokal tengah + Sengau lelangit lembut + Letupan lelangit lembut bersuara + Vokal hadapan luas + Sengau gusi

Yang manakah perkataan yang susunan fonemnya seperti di atas?

A Enggan

B Endang

C Empang

D Enggang

18

	Pola suku kata
I	KVKK
II	KKKV
III	KKVKK
IV	KKKVK

	Contoh perkataan yang mengandunginya
P	Kompleks
Q	Infrastruktur
R	Injunksi
S	Stratifikasi

Yang manakah padanan yang betul antara pola suku kata dengan contoh perkataan yang mengandungi pola tersebut?

	I	II	III	IV
A	*R*	*S*	*P*	*Q*
B	*S*	*R*	*Q*	*P*
C	*P*	*Q*	*R*	*S*
D	*R*	*Q*	*P*	*S*

19 Yang manakah perkataan yang mengandungi tiga suku kata terbuka dan dua suku kata tertutup?

A Bersendirian

B Kemanusiaan

C Terkebelakang

D Persembunyian

20 Yang manakah ayat yang salah penggunaan tanda komanya?

A Ali sudah bayar yuran semalam, bukan?

B Saya minta awak beli roti, bukan capati.

C Rombongan itu gagal ke sana, kerana hujan lebat.

D Razak, mengapakah awak tidak datang ke sekolah, semalam?

Bahagian B [30 *markah*]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Rimba yang tak bertepi ialah dunianya sejak dia beranak, bercucu, bercicit, dan berpiut. Tuktua, bapa kera itu tidak tahu jumlah cucu-cicitnya. Setiap kali dia bersua dengan segala kera di belantara ini, semuanya akan berbunyi dan mengangguk sebagai tanda hormat kepadanya, sekali gus mengakui Tuktua ialah penghulu dunia tanpa sempadan ini. Dunianya itu tidak pernah kehabisan rezeki. Belantara itu memberikan apa-apa saja yang mengenyangkan perutnya, perut isterinya, perut anak-anaknya, dan perut semua kera di situ. Apabila dia bergayut ke utara, ada petai dan jering; melompat ke arah selatan, ada duku dan rambai; bermukim di timur, ada manggis dan segala buah masam dan manis; berziarah di sebelah barat, ada lembah dan ada sungai untuk mandi. Dia berterima kasih kepada Tuhan yang memberikannya nikmat kehidupan yang menyenangkan, tanpa diganggu-gugat oleh sesiapa sepanjang hayatnya.

Suatu pagi, dia dikejutkan oleh deruman jentera yang menggegarkan dunia kehidupannya dan anak cucu-cicitnya. Bertempiaran larilah kesemuanya kerana amat takut dengan bunyi yang hebat itu. Sesekali dia dan anak cucunya menghendap kawasan yang mengeluarkan bunyi hingga menggegarkan rimbanya itu. Bunyi deruman itu tetap ada, siang atau malam. Lama-kelamaan, bunyi itu menjadi biasa hingga dianggap tidak menjejaskan kehidupan mereka.

"Jangan bimbang, dunia kita tak diapa-apakan," pujuk Tuktua. Tuktua berasa bertuah kerana dalam saat-saat akhir kehidupannya, dia dapat melihat keanehan yang mengubah corak sebahagian dunia rimbanya. Hari demi hari, dia melihat jentera penolak tanah, yang kadang-kadang menganga mulutnya lalu memuntahkan tanah yang disodok ke tepi. Batu-batu pejal diletupkan hingga berkecai. Bukit-bukau ditolak, tumbanglah pokok, dan akhirnya cerahlah sebahagian hutan. Sepanjang hari yang diintainya, kawasan yang sudah cerah itu seperti kawasan yang memanjang dan membelah belantara untuk dijadikan lebuh raya. Di satu kawasan lapang, didirikan beberapa buah tempat berteduh, seperti rumah-rumah. Tuktua tidak pasti. Setiap hari, walaupun anak cucunya bimbang tentang keselamatannya, dia tetap pergi sendiri secara curi-curi untuk melihat kerja yang dilakukan oleh manusia dengan jentera yang besar itu.

Suatu malam, seekor piutnya bersuara. "Tuktua, jangan anggap sesuatu perubahan itu menguntungkan kita! Lebuh raya ini bukan untuk kita, keturunan kita akan pupus. Dunia kita tercabar!" Jerkah piutnya dengan lantang. Tuktua tunduk. "Apakah daya kita untuk menentang angkara manusia?" Suaranya lemah.

(Disesuaikan daripada *Kumpulan Cerpen Angin dari Gunung*,
Dewan Bahasa dan Pustaka,1992)

21 Berdasarkan petikan tersebut, berikan maksud frasa yang berikut:

(*a*) *Rimba yang tak bertepi...* (baris 1) [1]

(*b*) *...menentang angkara manusia...* (baris 32) [1]

22 Apakah tanda Tuktua disegani oleh keturunannya? [2]

23 Mengapakah Tuktua berasa syukur? [2]

24 Apakah reaksi Tuktua dan keluarganya apabila habitat mereka diganggu? [4]

25

> Lebuh raya ini bukan untuk kita, keturunan kita akan pupus. (baris 30)

Jelaskan langkah yang dapat diambil oleh pihak tertentu untuk menangani kepupusan spesies haiwan akibat pembangunan. Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. [20]

Bahagian C [50 *markah*]

Tulis **sebuah** *karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.*

26 Kebelakangan ini, terdapat ramai pengemis merayau-rayau di tempat awam. Mereka bukan sahaja terdiri daripada penduduk tempatan malah warga asing juga. Jelaskan kesan keadaan tersebut dan kemukakan langkah-langkah untuk mengatasinya.

27 Bersenam merupakan satu aktiviti yang amat digalakkan untuk dijadikan amalan harian kerana aktiviti tersebut dikatakan dapat menjamin pengekalan kesihatan tubuh badan seseorang. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan tersebut?

28 Kejayaan seseorang atlet dalam pertandingan sukan pada peringkat antarabangsa bagi acara tertentu dapat memberikan manfaat, bukan sahaja kepada atlet itu sendiri malah kepada negara. Huraikan manfaat yang dimaksudkan itu.

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta